

Kampuchea: Sidang esok?

KUALA LUMPUR, Sabtu — Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, membayangkan bahawa perjanjian penubuhan kerajaan campuran oleh ketiga kumpulan nasionalis Khmer, akan berlangsung mengikut jadual. Ketiga-tiga mereka dijangka hadir di sini, Isnin ini.

Semalam, antara jam 4 dan 5 petang, kami menerima berita dari Sempadan menyatakan Pemimpin Khmer Rouge, Encik Khiew Samphan, diserang malaria. Tetapi, tiada tanda menunjukkan beliau tidak akan hadir," kata beliau sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang sekembalinya dari menghadiri Persidangan Para Menteri Luar ASEAN ke-15, di Singapura.

Tan Sri Ghazali juga berkata, berita yang

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

diterima dari Pyongyang malam semalam menyatakan bahawa pemimpin Puak Moulinaka, Putera Norodom Sihanouk, akan hadir.

"Sungguh ganjil, apabila perjumpaan tidak diadakan mereka menyatakan ketiga-tiga kumpulan itu akan mengadakan pertemuan dan apabila ia benar-benar hendak diadakan mereka menyatakan pula ia tidak akan berlaku," ujar Tan Sri

Ghazali yang kelihatan letih, tetapi riang dalam sidang akhbar itu.

Bekas Perdana Menteri yang juga Pemimpin Barisan Pembebasan Rakyat Kampuchea (KPNLS), Encik Son Sann, dikatakan tidak bermasalah untuk hadir menandatangani perjanjian tersebut.

Para pemimpin ketiga puak tersebut telah bersetuju memilih Kuala Lumpur sebagai tempat perbincangan dan menandatangani per-

janjian penubuhan kerajaan campuran itu, berikutan tawaran yang dikemukakan oleh Tan Sri Ghazali sendiri.

Tan Sri Ghazali berkata, beliau membincangkan perkara tersebut dengan rakan-rakan sejawatnya dalam ASEAN dan telah disambut baik.

Tan Sri Ghazali berharap rundingan itu akan membolehkan tertubuhnya kerajaan campuran untuk mencari penyelesaian politik.

Menurut berita-berita yang diterima, menurut persetujuan yang bakal ditanda-tangani itu, Putera Sihanouk akan dilantik menjadi Presiden, Encik Khiew Samphan sebagai Timbalan Presiden dan Encik Son Sann sebagai Perdana Menteri kerajaan campuran itu.

Kerajaan Campuran itu juga akan mengandungi empat Jabatan iaitu Pertahanan, Kewangan, Kesihatan dan Hal Ehwal Sosial serta Kebudayaan dan Pendidikan. Ketiga-tiga pihak itu akan mewakilinya.

Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Canada dan negara-negara Pertubuhan Ekonomi Eropah (EEC) yang berunding beringin dengan Menteri-menteri Luar Asean mengalu-alukan penubuhan Kerajaan Campuran itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia